



**TEKS UCAPAN  
YB TUAN BARU BIAN  
MENTERI KERJA RAYA**

**SESI PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST)  
KEPADA KONTRAKTOR PAKEJ KERJA DAN PERUNDING  
PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SABAH**

**PADA 2 DISEMBER 2019**

## **SALUTASI**

Terima kasih saudara pengacara majlis

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan**

Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya

**Yang Berbahagia Datuk Badrul Hisham bin Mohd**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), Kementerian Kerja Raya

**YBhg. Dato' Dr. Ong Gua Pak**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kerja Raya

**Yang Berusaha Ir. Edward Lingkapo**

Timbalan Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah

Pegawai-pegawai kanan Kementerian Kerja Raya

Dif-dif jemputan dari Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah

Wakil-wakil media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, dan seterusnya para hadirin yang dihormati sekalian .

## **Salam Sejahtera, Salam Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih,**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua hadirin yang telah sudi bersama-sama meluangkan masa dalam **Sesi Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) kepada Kontraktor Pakej Kerja dan Perunding Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah** pada hari ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga di atas kerjasama dan sokongan padu semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Hadirin sekalian,

### **LATAR BELAKANG PROJEK**

2. Perlaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah ini memberi peluang kepada rakyat tempatan Sabah daripada pelbagai bidang samada sebagai perunding, *vendor*, pembekal mahu pun kontraktor untuk menyumbang kemahiran dan kepakaran mereka untuk turut sama-sama membangunkan Negeri Sabah. Projek ini juga turut melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi di kalangan anak tempatan Sabah yang merupakan agenda utama Kerajaan dalam meningkatkan kapasiti dan modal insan bagi sektor pembinaan di Malaysia.

3. Selain itu, projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah bakal menggalakkan lebih banyak pelaburan di wilayah koridor Sabah selaras dengan misi dan objektif Kerajaan untuk mempromosikan keseimbangan di antara wilayah dan merentangi ekonomi seimbang di

antara bandar dan luar bandar. Dalam masa yang sama, penambahbaikan dalam konteks perkhidmatan logistik dapat dipertingkatkan khususnya bagi kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti di bawah *Sabah Economic and Development Authority* (SEDIA).

4. Dengan penambahbaikan jaringan jalan raya yang sedia ada dan juga pembinaan jalan-jalan baru serta pembinaan komponen lain seperti *Rest & Service Area (RSA)*, *layby*, hentian bas, *flyover*, *interchanges*, dan pembinaan jambatan pastinya dapat meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya. Jaringan Lebuh raya Pan Borneo yang lebih singkat akan memberi keselesaan kepada pengguna dan dapat memendekkan masa perjalanan.

## **MAKLUMAT PROJEK**

Hadirin sekalian,

5. Menyentuh berkenaan Projek Lebuh raya Pan Borneo secara lebih terperinci, projek ini secara keseluruhannya melibatkan 706 kilometer dan sedang dilaksanakan secara berperingkat. Keseluruhan projek ini melibatkan 35 Pakej Kerja di mana 15 Pakej Kerja akan diteruskan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dengan jangkaan siap pada tahun 2024 dengan anggaran kos keseluruhan projek berjumlah RM 10.12 bilion. Manakala baki 20 Pakej Kerja pula akan dimulakan seawal Rancangan Malaysia ke-12, tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

6. Untuk makluman semua, susulan daripada perubahan model pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah, Kementerian Kerja Raya telah mengambil alih sepenuhnya pelaksanaan projek dengan dibantu oleh JKR Sabah sebagai Pengawai Penguasa (*Superintending Officer – SO*). Bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan projek, Kerajaan juga telah bersetuju untuk melantik semula kontraktor dan perunding sedia ada yang telah dilantik sebelum ini oleh *Project Delivery Partner (PDP)*. Hasilnya, sebentar lagi kita akan menyaksikan sesi penyerahan Surat Setuju Terima kepada 11 kontraktor dan 12 perunding berkenaan.

## **PENUTUP**

Hadirin sekalian,

7. Projek seumpama ini merupakan salah satu bukti bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa peka dan mengutamakan kehendak rakyat khususnya rakyat Negeri Sabah bahawa mereka sentiasa diingati dan tidak dilupakan dalam peta pembangunan infrastruktur Negara. Saya amat yakin dan percaya bahawa projek berimpak tinggi ini akan memberi banyak manfaat serta menyumbang kepada peningkatan sosio ekonomi rakyat Sabah.

8. Besarlah harapan saya agar semua kontraktor dan perunding yang dilantik semula ini memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan pelaksanaan projek ini mengikut jadual dan menepati kualiti yang ditetapkan. Para kontraktor dan perunding juga diingatkan bahawa prestasi mereka akan dinilai sepanjang tempoh kontrak dan Kerajaan

berhak untuk menamatkan kontrak mereka sekiranya tidak mencapai prestasi optimum atau melanggar mana-mana terma kontrak kelak.

9. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini. Dengan ini saya merasmikan sesi Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) kepada Kontraktor Pakej Kerja dan Perunding bagi Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah.

Sekian, terima kasih.